

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1977**

### **BAYARAN KERANA MEMINDAH BAHAN BATUAN / TANAH DI BAWAH L.R. 21 ITEM 51 DARIPADA PERATURAN TANAH KELANTAN TAHUN 1966**

Mengikut Peraturan 21 item 51, daripada Peraturan Tanah Kelantan 1966 bayaran bagi memindah bahan-bahan batuan, di antaranya termasuk tanah dan pasir adalah dikenakan seperti berikut:-

- (a) Tanah dan pasir : 50 sen seela padu
- (b) Bahan Batuan : \$1.00 seela padu

2. Dalam peraturan yang di atas tidak ada pengecualian diberi sama ada batu-batu itu dipindah untuk digunakan bagi maksud Kerajaan sendiri atau untuk kegunaan orang ramai, tetapi walau bagaimanapun mengikut peraturan yang sama (Peraturan 21) PTG diberi kuasa untuk melepaskan sesuatu bayaran di bawah peraturan itu mengenai sesuatu kes, di atas sesuatu sebab-sebab yang munasabah.

3. MMK yang bersidang pada 1.3.1977, selepas menimbang Kertas Bil. 4/233/73/73, telah membuat satu ketetapan sebagai dasar dalam mengena dan mengutip bayaran-bayaran sebagaimana berikut:-

- (a) Bayaran-bayaran (royalty) bagi memindah batu tanah di bawah LR21 Item 51 adalah dilepaskan jika penggunaan /jual itu untuk tujuan-tujuan berikut:-
  - (i) Dipindah/digunakan oleh JKR sendiri untuk projek-projek Kerajaan.

- (ii) Dipindah/dijual kepada jabatan-jabatan Kerajaan untuk sesuatu projek Kerajaan.
- (b) Bayaran (royalty) bagi memindah batu tanah dari kawasan Bukit Buloh dan Bukit Panau hendaklah dipungut oleh JKR bersekali dengan harga jualannya dijadikan hasil negeri jika jualan itu untuk tujuan yang berikut:-
- (i) Dijual kepada orang ramai atau kontraktor yang menjalankan projek-projek kerajaan atau projeknya sendiri. Hendaklah dipungut dengan sepenuh mengikut kadar dalam Peraturan Tanah 1966.
  - (ii) Dijual kepada Badan Berkanun untuk projek-projek Badan-badan berkenaan sendiri. Hendaklah dipungut separuh sahaja daripada kadar yang terjadual di bawah Peraturan tanah Kelantan 1966.

4. Dalam kes-kes yang tertentu, di atas sesuatu sebab yang munasabah, selain daripada keadaan bagaimana perenggan 3(a) dan 3(b) di atas, bolehlah pihak PHT atau Pengarah JKR mengangkatnya bagi pertimbangan PHT di bawah L.R.21 daripada Peraturan Tanah Kelantan Tahun 1966.

5. Pekeliling PTG Bil.2/1973 yang telah dikeluarkan pada 24.3.73 hendaklah disifatkan sebagai terbatal dengan sendirinya.

**t.t**  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah & Galian,  
Kelantan.

**KEPADA:**

Semua Ketua-ketua Jajahan dan Pengarah J.K.R Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Pengarah Ukur Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah LKTN Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.**

**KOTA BHARU:**